

MODUL INTENSIF UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
BAHASA MELAYU
MODUL 18

Bahagian A
[10 markah]

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pemandangan pada waktu pagi di Pantai Teluk Bayu indah _____.
- A. agak
 - B. paling
 - C. sekali
 - D. terlalu

[1 markah]

2. Pada hujung minggu, taman rekreasi itu dipenuhi _____.
- A. peserta
 - B. pendatang
 - C. pelanggan
 - D. pengunjung

[1 markah]

Pilih ayat yang betul.

3. A. Rahimah sering membantu ibunya membersihkan rumah.
 B. Puan Yin mengalakan anak-anaknya belajar komputer.
 C. Pak Ayob melepasi berpuluh-puluh anak ikan ke dalam kolam.
 D. Cikgu Azman sedang menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

[1 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Han Meng murid Tahun Enam Pintar. Dia merupakan murid yang cemerlang di sekolahnya. Dia amat meminati mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains dan Matematik. Dia sering mendapat keputusan yang cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru mata pelajaran tersebut, iaitu Cikgu Akmal selalu memujinya.

Han Meng bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga hebat dalam bidang sukan. Baru-baru ini, Han Meng telah menyertai acara sukan di sekolahnya. Dia berjaya menjadi johan dalam acara lumba lari, lompat jauh dan lontar peluru. Justeru, Han Meng telah dipilih sebagai Olahragawan Sekolah.

4. Siapakah Cikgu Akmal?
- A. Guru mata pelajaran Sains.
 - B. Guru mata pelajaran Matematik.
 - C. Guru mata pelajaran Bahasa Melayu.
 - D. Guru mata pelajaran Bahasa Inggeris.

[1 markah]

5. Mengapakah Han Meng dipilih sebagai Olahragawan Sekolah?
- Dia sangat cemerlang dalam pelajaran.
 - Dia sering dipuji oleh guru-guru di sekolahnya.
 - Dia memenangi banyak acara sukan di sekolahnya.
 - Dia sering mendapat keputusan cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.
- [1 markah]
6. Yang berikut ialah mata pelajaran yang diminati oleh Han Meng berdasarkan petikan *kecuali*.
- Sains
 - Matematik
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Inggeris
- [1 markah]

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



BAHAN 2

Anis : Ibu, boleh beri saya RM5.00?

Puan : Kamu mahu beli apa dengan wang tersebut?

Zaidah

Anis : Saya mahu membeli kerepek kentang di Kedai Runcit Vijayan. Kerepek itu sedap dan harganya sangat murah.

Puan : Ah, tidak boleh, Anis! Ibu tidak membenarkan kamu membeli makanan ringan seperti itu. Makanan tersebut tidak elok untuk kesihatan kanak-kanak.

Zaidah

Anis : Mengapakah makanan ringan tidak elok untuk kesihatan, ibu?

Puan : Makanan itu tidak elok untuk kesihatan kerana banyak mengandungi bahan pengawet, pewarna dan perasa tiruan. Jika kamu selalu makan makanan ringan, kamu boleh mendapat penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi.

7. Mengapakah Puan Zaidah tidak mahu memberikan wang RM5.00 kepada anaknya?
- Beliau tidak mempunyai wang sebanyak itu.
 - Beliau tidak mahu anaknya membeli makanan ringan.
 - Beliau tidak mahu anaknya pergi ke Kedai Runcit Vijayan.
 - Beliau mahu anaknya berjimat cermat dalam perbelanjaan.

[1 markah]

8. Makanan tersebut tidak elok untuk kesihatan kanak-kanak.
Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah ...
A. buah
B. orang
C. kawan
D. bentuk [1 markah]
9. Perkataan *elok* yang terdapat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan...
A. baik
B. betul
C. bermutu
D. berkesan [1 markah]
10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
A. Makanan ringan dapat menjimatkan perbelanjaan kerana harganya murah.
B. Puan Zaidah pergi ke Kedai Runcit Vijayan untuk membeli makanan ringan.
C. Anis meminta wang daripada ibunya kerana mahu membeli makanan ringan.
D. Makanan ringan tidak elok untuk kesihatan kerana tiada bahan pengawet. [1 markah]

Bahagian B
[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Waktu rehat telah bermula. Tan, Ravi dan Hisham berjalan menuju ke kantin. Mereka mahu makan di kantin kerana perut mereka lapar. Tan mahu makan nasi lemak manakala Ravi dan Hisham mahu makan bihun goreng.

Semasa berada di kantin, mereka beratur untuk membeli makanan. Mereka tidak mahu berebut-rebut kerana perbuatan itu melanggar peraturan sekolah. Semasa membawa makanan dan minuman, mereka berjalan dengan berhati-hati agar makanan dan minuman tersebut tidak tumpah. Mereka tidak mahu kantin sekolah menjadi kotor.

1. (a) Makanan yang mahu dimakan oleh Tan di kantin ialah _____. [1 markah]
- (b) Mengapakah Tan, Ravi dan Hisham tidak berebut-rebut semasa membeli makanan?
A. Mereka mematuhi peraturan sekolah.
B. Mereka mahu menjaga kebersihan kantin sekolah.
C. Mereka mahu membeli nasi lemak dan bihun goreng.
D. Mereka tidak mahu makanan dan minuman tumpah di atas lantai. [2 markah]

Bulatkan **kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Mereka tidak mahu kantin sekolah menjadi kotor.

[1 markah]

(d) Pilih dan tulis (**BETUL**) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Semasa berada di kantin, mereka beratur untuk membeli makanan.

Mereka beratur untuk membeli makanan semasa berada di kantin.	
Semasa beratur, mereka berada di kantin untuk membeli makanan.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

2.

Keluarga Farid rajin menjaga kebersihan tempat tinggal. Mereka selalu menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan.

Berdasarkan situasi di atas, apakah kesan terhadap alam persekitaran? Ramalkan.

- ☐ Alam persekitaran akan menjadi kotor kerana penuh dengan sampah-sarap.
- ☐ Alam persekitaran akan menjadi bersih dan cantik kerana kebersihannya sentiasa dijaga.

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti berkebun sayur.

Tulis pendapat kamu tentang faedah amalan berkebun sayur.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Panduan:

- aktiviti berkebun sayur amat berfaedah
- dapat menyihatkan badan – badan kita akan cergas berpeluh
- dapat menjimatkan perbelanjaan
- tidak perlu membeli sayur-sayuran di pasar – boleh makan sayur-sayuran yang kita tanam
- dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan jika dilakukan bersama-sama keluarga

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Sambutan Hari Guru



1. Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.
ATAU
2. Tulis laporan berdasarkan gambar di atas.

Panduan:

Pendahuluan:

- pada minggu lalu – sekolah telah mengadakan Sambutan Hari Guru
- majlis yang meriah – diadakan di dewan sekolah

Isi 1:

- majlis sambutan – bermula dari pukul 7:30 pagi – berakhir pada pukul 12:00 tengah hari
- pelbagai acara yang menarik diadakan
- antaranya termasuklah persembahan nyanyian – tarian – deklamasi sajak

Isi 2:

- mengambil bahagian dalam persembahan nyanyian
- menyanyikan lagu – menghargai jasa guru
- guru-guru amat terhibur menyaksikan persembahan

Isi 3:

- sebelum bersurai – semua warga sekolah menikmati jamuan makan
- guru-guru dan murid sungguh gembira – dapat menjamu selera Bersama-sama